

PROGRAM PEMANTAPAN PENIAGA GETAH TAHUN 2022

Disediakan oleh



*Hairul Irwan Bin
Jamaluddin*

*Ketua,
Unit Pelesenan dan Permit (UPPT)
E-mel : hairulirwan@lgm.gov.my*



*Muhd. Sallehuddin bin
Mohamad Nasir*

*Penolong Pegawai Penguat
Kuasa,
Unit Pelesenan dan Permit (UPPT)
E-mel : sallehuddin@lgm.gov.my*

OBJEKTIF PROGRAM

Unit Pelesenan dan Permit (UPPT) Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menganjurkan Program Pemantapan Peniaga Getah Bagi Tahun 2022 di tujuh lokasi di seluruh Malaysia (Jadual 1). Objektif pengajuran program ini adalah untuk memberikan khidmat nasihat, latihan, penyampaian informasi dan meningkatkan kesedaran pemegang lesen kategori peniaga getah dan kelompok mengenai perkara-perkara berikut:

1. Tanggungjawab pemegang lesen dalam mematuhi Peraturan-peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014 dan syarat-syarat lesen
2. Latihan penggunaan aplikasi RRIMniaga™
3. Kaedah penentuan kandungan getah kering (KGK), jualan secara tender dan harga getah
4. Memupuk kesedaran mengenai kepentingan menjaga kualiti getah
5. Pengenalan kepada program Insentif Pengeluaran Lateks (IPL)

PENGISIAN PROGRAM

Sebanyak enam pembentangan telah disampaikan oleh penceramah-penceramah LGM dalam program ini iaitu:

1. Tanggungjawab dan Pematuhan Syarat Lesen oleh Peniaga Getah
2. Kawal Selia dan Penguatkuasaan LGM
3. Demonstrasi Penggunaan Aplikasi RRIMniaga™
4. Penentuan Harga Getah Peringkat Ladang dan Urus Niaga Getah Secara Tender (MyROL™)
5. Penentuan Kandungan Getah Kering (KGK)
6. Insentif Pengeluaran Lateks (IPL)

IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM PEMANTAPAN PENIAGA GETAH

Program Pemantapan Peniaga Getah adalah julung-julung kali diadakan oleh LGM untuk pemegang lesen yang merangkumi peniaga getah dan kelompok. Program secara bersemuka dengan pelesen tidak dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2020 hingga 2021 berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) disebabkan pandemik COVID-19. Program ini sangat penting kepada pelesen lama dan baharu supaya mereka memahami tanggungjawab dalam mematuhi Peraturan-peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014 serta syarat-syarat lesen yang dikenakan.

Kewajipan penggunaan RRIMniaga™ yang dikuatkuasakan kepada pelesen pada 1 Januari 2021 iaitu semasa pelaksanaan PKP/PPN merupakan cabaran utama kepada LGM untuk memastikan pelesen mematuhi syarat lesen iaitu menggunakan pakai RRIMniaga™ dalam semua urusan niaga berkaitan getah. Antara cabaran untuk memberi kesedaran kepada pelesen mengenai peraturan baharu ini adalah sekatan pergerakan yang menghalangi LGM daripada bertemu dengan pelesen secara bersemuka.



Jadual 1: Program Pemantapan Peniaga Getah di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2022.

<u>BIL.</u>	<u>TARIKH/HARI</u>	<u>LOKASI/NEGERI</u>	<u>BILANGAN PESERTA</u>
1.	26 Januari 2022 (Rabu)	Sik, Kedah	195
2.	27 Januari 2022 (Khamis)	Gerik, Perak	171
3.	23 Mei 2022 (Selasa)	Kuala Krai, Kelantan	219
4.	24 Mei 2022 (Rabu)	Besut, Terengganu	93
5.	30 Jun 2022 (Khamis)	Jerantut, Pahang	260
6.	21 Julai 2022 (Khamis)	Tampin, Negeri Sembilan	150
7.	17 Ogos 2022 (Rabu)	Tangkak, Johor	146

Nota: Peserta terdiri daripada pelesen kategori peniaga getah dan kelompok

Disebabkan itu, Program Pemantapan Peniaga Getah pada tahun 2022 merupakan platform penting bagi memberikan latihan dan khidmat nasihat mengenai RRIMniaga™ kepada pelesen yang masih gagal atau tidak konsisten menggunakan RRIMniaga™ setiap kali menjalankan urusan niaga getah. Demonstrasi penggunaan aplikasi RRIMniaga™ turut diadakan semasa program tersebut dan sebarang isu teknikal berkaitan RRIMniaga™ juga diberi penekanan kepada pelesen.

Melalui program ini, isu-isu semasa berkaitan industri getah serta pelesenan dan permit dapat dikenal pasti yang seterusnya membolehkan perancangan dan tindakan susulan dibuat oleh LGM. Program ini memberi manfaat kepada pelesen dalam perkongsian ilmu berkenaan kaedah



Gambar 1: Isu-isu dibangkitkan oleh pelesen dalam Program Pemantapan Peniaga Getah di Bukit Gambir, Tangkak pada 17 Ogos 2022



Program Pemantapan Peniaga Getah di Jerantut, Pahang yang turut dihadiri oleh YB Dato' Hj. Ahmad Nazlan bin Idris, Ahli Parlimen Jerantut

penentuan kandungan getah kering (KGK), kualiti getah, harga getah, promosi jualan getah secara tender melalui MyROL™, promosi program pembiayaan usahawan jual beli getah serta sabitan-sabitan kesalahan yang akan dikenakan ke atas pelanggaran peraturan pelesenan atau syarat-syarat lesen.

Program ini juga telah meningkatkan hubungan dan kerjasama LGM dengan agensi pelaksana seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah (FELCRA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan agensi kerajaan negeri serta pejabat daerah berkaitan.



Sesi Soal Jawab Program Pemantapan Peniaga Getah yang dipengerusikan oleh YBrs Encik Mohd Nor Hasan, Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan (BPS) LGM

KESIMPULAN

LGM sentiasa prihatin dan komited dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pelesen dalam Program Pemantapan Peniaga Getah yang telah diadakan sepanjang tahun 2022. Program penerangan sambil menyantuni pelesen dan pekebun kecil getah akan diteruskan oleh LGM pada setiap tahun bagi memastikan perkongsian maklumat semasa mengenai industri getah dapat disampaikan kepada mereka. Selain tanggungjawab mengawal selia industri getah negara, LGM berusaha memastikan agar dasar pelesenan dan permit yang dirangka dapat membantu memperkasakan industri getah yang seterusnya merencanakan pertumbuhan ekonomi negara. Dasar liberalisasi pelesenan dan permit LGM yang telah dilaksanakan sejak tahun 2020 menunjukkan bahawa Malaysia mengamalkan dasar keterbukaan ekonomi dan berusaha mewujudkan suasana yang lebih kondusif agar dapat meyakinkan pelabur untuk melabur di dalam industri getah negara.